# Pertingkat penggunaan fintech untuk pacu pemulihan ekonomi inklusif - CEO TPM

Januari 25, 2022 08:30 MYT

**KUALA LUMPUR:** Penggunaan teknologi kewangan (fintech) perlu dipertingkatkan untuk memacu pemulihan ekonomi yang lebih inklusif berikutan pembiayaan akan menjadi lebih mudah diakses oleh kumpulan berpendapatan rendah serta perniagaan mikro dan kecil.

Ketua Pegawai Eksekutif Technology Park Malaysia (TPM) Dzuleira Abu Bakar berkata masa depan inovasi teknologi perlu menjadi yang membolehkan keterangkuman kewangan yang lebih baik yang juga mempunyai kuasa untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan menyokong inovasi perindustrian.

Katanya aspek penting untuk difahami ialah penggunaan fintech dalam kebanyakan perniagaan harian memainkan peranan penting dalam keterangkuman kewangan berikutan lebih banyak isi rumah kini tergolong dalam kategori B50, kumpulan berpendapatan rendah baharu.

"Ia menggembirakan apabila mengetahui sebanyak 30 unit bank mudah alih dijangka dilancarkan di 250 daerah kecil di Malaysia yang dikenal pasti sebagai tidak mempunyai akses atau mempunyai akses yang tidak mencukupi kepada perkhidmatan perbankan asas dalam usaha untuk meningkatkan keterangkuman kewangan.

"Ini semua hanya menjadi mudah melalui penggunaan teknologi secara meluas," katanya pada sesi ceramah teknologi pada Minggu MyFintech 2022 secara maya hari ini.

Sementara itu, Dzuleira berkata skor Indeks Inovasi Global Malaysia menunjukkan trajektori menurun pada 2021 apabila negara berada di kedudukan 36 daripada 132 negara berbanding 33 pada 2020.

"Dari aspek positif, laporan itu menunjukkan Malaysia mencatatkan prestasi yang lebih baik dalam output inovasi berbanding input inovasi pada 2021 dan ini menunjukkan bahawa kita secara berperingkat menjana hasil daripada aktiviti inovatif dalam negara yang lebih baik," katanya.

Mengenai perkembangan lain, Dzuleira berkata penggabungan antara TPM dan Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) baru-baru ini untuk membentuk Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI) akan membantu mengkomersialkan inovasi untuk menjadikannya lebih mampu milik dan mudah diakses.